

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TAHUN 2020**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]

SOALAN

DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah strategi yang diguna pakai oleh pihak Kementerian dalam meningkatkan jumlah peluang pekerjaan berpendapatan tinggi di kawasan luar bandar terutama untuk golongan muda.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Laporan Survei Tenaga Buruh 2018 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, peratusan penduduk bekerja di luar bandar adalah sebanyak 96.5% dengan majoriti tenaga buruh adalah pada umur 25 hingga 29 tahun. Manakala berdasarkan Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016 yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, purata pendapatan isi rumah penduduk luar bandar adalah sebanyak RM4,359 dan kadar kemiskinan di luar bandar pula adalah sebanyak 1%.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 (DPLB 2030) telah menggariskan beberapa strategi dan langkah untuk memperkukuh ekonomi luar bandar bagi menjana peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi termasuk kepada golongan belia. Ini adalah termasuk mempelopori sumber pertumbuhan ekonomi baharu, pembangunan usahawan luar bandar yang lebih berdaya saing dan mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk penggunaan teknologi pada skala ekonomi. Selain itu, DPLB 2030 turut menekankan kepada peningkatan kemahiran belia dalam bidang TVET bagi melahirkan belia luar bandar berkemahiran tinggi yang mampu memperoleh pekerjaan berpendapatan tinggi.

3. Sehubungan itu, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) akan meningkatkan usaha untuk memperkukuh ekonomi luar bandar melalui program-program sedia ada dan juga program-program baharu. Ini adalah termasuk program pembangunan pelancongan desa dan aktiviti pertanian berkelompok. Selain itu, KPLB juga turut memberi penekanan kepada program pembangunan usahawan luar bandar termasuk di kalangan belia dengan menyediakan khidmat sokongan sama ada dari segi kewangan, latihan dan khidmat nasihat serta meningkatkan penglibatan usahawan luar bandar dalam perniagaan secara atas talian. Program-

program pendidikan TVET@KPLB juga akan diperkukuh dengan penglibatan daripada pihak industri serta menerapkan elemen keusahawanan di kalangan peserta TVET@KPLB. Dalam masa yang sama, KPLB turut mengalu-alukan penglibatan pihak swasta bagi merencanakan pertumbuhan ekonomi dan mewujudkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kementerian Sumber Manusia melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah melancarkan Inisiatif PENJANA HRDF. Di antara skim yang dijangka boleh menawarkan peluang pekerjaan dan menjana pendapatan tinggi di bawah inisiatif PENJANA HRDF adalah melalui program *SME Development, Upskilling & Reskilling dan Gerak Insan Gemilang (GIG)*.

5. Selain itu juga, pelaksanaan *Place & Train* di bawah PENJANA HRDF memberi jaminan penempatan pekerjaan setelah pelatih menamatkan latihan. Kumpulan sasar yang akan dilatih meliputi golongan graduan, pelajar lepasan sekolah dan pekerja yang diberhentikan. Setakat 24 Julai 2020, seramai 5,930 orang telah berjaya mendapat penempatan pekerjaan dengan bantuan kewangan diluluskan berjumlah RM38.53 juta dengan tawaran gaji bermula daripada RM1,800 sebulan.

Sekian, terima kasih.